

Pachitan jadi kampung angkat NIOSH

Lokasi pertama fokus latihan keselamatan, kesihatan pekerja bantu sektor pelancongan

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menjadikan Kampung Pachitan di sini sebagai Kampung Angkat MADANI pertama yang bertumpu kepada latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, bagi memberi

manfaat kepada pengusaha inap desa serta sektor pelancongan.

Pengarah Eksekutif NIOSH, Datuk Ayop Salleh, berkata pihaknya memilih Kampung Pachitan sebagai kampung angkat kerana kampung itu terkenal dengan program inap desa yang menjadi pilihan pelancong serta pekerja industri dari loji janakuasa berhampiran.

Beliau berkata, aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu diberi perhatian serius bagi menjamin kesejahteraan komuniti, pelancong dan pekerja industri yang menetap di kawasan itu.

"NIOSH menggunakan kemudahan di Kampung Pachitan sebagai pusat latihan pekerja dan pembangunan kapasiti komuniti.

"Kami mahu menyediakan persekitaran latihan yang berbe-



Aminuddin (dua dari kanan) pada Program Gotong-Royong dan Pengindahan Komuniti Kampung Pachitan anjuran NIOSH di Port Dickson, semalam.

(Foto ihsan NIOSH)

za untuk peserta latihan. Mereka boleh tinggal di inap desa dan menyertai latihan di dewan yang akan disiapkan awal tahun depan," katanya pada Program Gotong-Royong dan Pengindahan Komuniti Kampung Pachitan anjuran NIOSH, semalam.

Sedia dana RM1 juta

Program itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Ayop berkata, dana RM1 juta

disediakan bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan termasuk pembinaan dewan tertutup komuniti, taman permainan kanak-kanak, sokongan kepada projek ekonomi penduduk serta menaik taraf kemudahan inap desa.

Beliau berkata, bagi melalui Program Sekolah Angkat MADANI, dana tambahan RM100,000 turut disalurkan menerusi NIOSH kepada Sekolah Menengah Agama Chuah, bagi kerja menaik ta-

raf padang sekolah.

Sementara itu, Aminuddin berkata, usaha itu dapat memastikan keselamatan penduduk dan pelancong yang tinggal di inap desa di kawasan berkenaan dan memberi manfaat besar kepada masyarakat setempat.

Ahli Parlimen Port Dickson itu berkata, kerajaan negeri sentiasa menyokong usaha NIOSH untuk menerapkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kampung Pachitan.